


Headline	MyBIS pangkalan data biodiversiti		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 May 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	881 cm ²
Journalist	OMI LAURA laupajunus@hotmail.com	AdValue	RM 17,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,237



MyBIS pangkalan data biodiversiti

MALAYSIA antara negara di dunia yang tersenarai sebagai memiliki kekayaan khazanah alam semula jadi kerana liputan hutan yang masih luas. Sebagai sebuah negara yang tersenarai dalam antara 12 negara di dunia yang mempunyai kepelbagaian biologi, maka sewajarnya kekayaan tersebut dijaga dan dipelihara untuk diwarisi kepada generasi akan datang.

Kekayaan tersebut tentulah tidak dapat dinilai dengan wang ringgit tetapi adakah kita menghargainya?

Aset semula jadi ini terletak bawah

Oleh LAUPA JUNUS laupajunus@hotmail.com

tanggungjawab Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan satu daripada agensinya yang terbabit dalam penjagaan hutan adalah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Malaysia adalah ahli Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kepelbagaian Biologi (CBD). Justeru, setiap ahli di bawah konvensyen tersebut perlu menubuhkan satu mekanisme penyebaran maklumat atau *Clearing House Mechanism* kebangsaan serta laman web CHM untuk menyediakan perkhidmatan penyebaran atau perkongsian maklumat biodiversiti.

Pada tahun 2014, MyCHM telah disusun semula dan dinamakan kepada MyBIS. Penubuhannya bertujuan memudahkan pelaksanaan strategi dan pelan tindakan biodiversiti negara. Bagi Malaysia, laman sesawang ini kini dikenali sebagai *Malaysia Biodiversity Information System* (MyBIS) dan boleh diakses melalui www.mybis.gov.my.

Menurut Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** sejak penubuhannya, MyCHM telah menyediakan data flora dan fauna Malaysia dengan gambar-gambar berserta surat berita dalam laman sesawang. "Laman sesawang ini juga menyediakan pautan kepada pelbagai perjanjian berkaitan dengan biodiversiti Malaysia dan laman lain yang mengandungi maklumat berkenaan bidang tersebut," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar mengumumkan penubuhan laman sesawang berkenaan di Kepong baru-baru ini yang turut dihadiri Ketua Projek MyBIS, Hamidah Mamat dan pegawai penyelidikannya, Ajla Rafidah Baharom.

Berkongsi lebih lanjut beliau berkata, objektif utama pembangunan MyBIS adalah sebagai pusat repositori untuk maklumat biodiversiti di negara ini.

Katanya, MyBIS menyediakan platform untuk pengumpulan data berkaitan biodiversiti termasuk maklumat spesies, gambar, rujukan, surat berita dan penerbitan dari pelbagai agensi dan organisasi.

FRIM juga bekerjasama rapat dengan NRE dengan aspirasi yang sama iaitu untuk menjadikan MyBIS sebagai pusat repositori atau pangkalan data maklumat biodiversiti di Malaysia.

Justeru sebagai pusat repositori, MyBIS mengandungi data komprehensif mengenai flora dan fauna termasuk spesies dan maklumat taksonomi, gambar, surat berita dan rujukan, pakar biodiversiti, status pemuliharaan, kawasan perlindungan dan spesimen.

Maklumat terkini mengenai biodiversiti Malaysia boleh diakses dengan mudah dalam talian.

Dengan adanya kemudahan tersebut, ia boleh membantu meningkatkan kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai kepentingan biodiversiti serta menyumbang ke arah pelaksanaan strategi pemuliharaan dan pelan tindakan biodiversiti negara.

Dengan adanya MyBIS, usaha pemuliharaan dilaksanakan dengan menyediakan akses mudah dan percuma kepada maklumat mengenai spesies terancam yang sentiasa dikemas kini.

Status pemuliharaan, profil spesies, gambar, lokasi dan rujukan kepada spesies terancam adalah antara maklumat yang boleh didapati dalam MyBIS.

Maklumat ini sangat berguna untuk pembangunan strategi bagi pemuliharaan flora dan fauna terancam di Malaysia.

Bagi menilai status pemuliharaan tumbuhan di negara ini, modul Lembaran Maklumat Data Taksonomi (TDIS) dibangunkan dalam CHM.

Status penilaian bagi tumbuhan ini boleh didapati di MyBIS bagi memberikan input untuk kesedaran orang ramai dan membantu mengenal pasti spesies terancam.

"Tiada kumpulan sasaran tertentu untuk laman sesawang ini. Kebanyakan pengguna MyBIS terdiri daripada penyelidik, pencinta alam, kanak-kanak sekolah dan orang awam yang ingin mencari maklumat mengenai biodiversiti negara," ujarnya.

MyBIS menyediakan maklumat seperti taksonomi, gambar dan rujukan dalam talian yang boleh membantu mengenal pasti sesuatu spesies.

Walau bagaimanapun, pengguna perlu tahu beberapa maklumat asas mengenai kumpulan tumbuhan seperti palma, orkid dan halia supaya carian boleh dijalankan di dalam MyBIS.

Menerusi sistem tersebut, pengguna boleh menyemak daftar profil spesies serta melihat koleksi gambar untuk membantu pengenalpastian tersebut.

Sementara itu menurut Pegawai Penyelidik Kanan (Konservasi Biologi), Jabatan Biodiversiti Hutan (FRIM), **Lillian Chua**, pangkalan data tersebut dibangunkan sebagai memenuhi bertanggungjawab FRIM yang menyimpan spesimen serta pangkalan data bagi flora, kulat, entomologi dan zoologi.

Penyelidik FRIM juga diiktiraf sebagai pakar biodiversiti dalam botani, entomologi dan zoologi.

Penambahbaikan kepada laman sesawang ini dibuat secara berterusan berdasarkan maklum balas yang diterima untuk menyokong semua aspek biodiversiti Malaysia.

MyBIS juga berfungsi sebagai direktori kebangsaan bagi pakar biodiversiti Malaysia.

KERJA-KERJA pengutipan data dilakukan di kawasan asal di hutan.